



TMK dan e-dagang catat pertumbuhan 14.8 peratus kepada RM412.3 bilion pada 2022

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta e-dagang menyumbang 23 peratus kepada ekonomi negara, dengan pertumbuhan sebanyak 14.8 peratus kepada RM412.3 bilion pada 2022 daripada RM359.3 bilion pada 2021, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ASTMK) 2022 yang dikeluarkan DOSM pada Jumaat menjelaskan prestasi itu disumbangkan oleh Nilai Ditambah Kasar Industri TMK (NDKTMK) sebanyak 13.6 peratus dan e-dagang bagi industri lain sebanyak 9.4 peratus.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata TMK dan e-dagang mencatatkan peningkatan 14.8 peratus berbanding 12.2 peratus pada tahun sebelumnya.

NDKTMK merekodkan RM243.7 bilion dengan mencatatkan pertumbuhan 12.4 peratus berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya.

“Pertumbuhan ini disokong oleh industri pembuatan TMK yang bertumbuh lebih baik sebanyak 21.3 peratus berbanding 11 peratus pada 2021,” katanya dalam kenyataan di sini pada Jumaat.

Mohd Uzir berkata komponen dan papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna kekal sebagai penyumbang utama kepada industri pembuatan TMK sebanyak 35.7 peratus.

Beliau berkata Nilai Ditambah Kasar e-dagang merekodkan RM239.1 bilion dengan pertumbuhan 18.9 peratus pada 2022 berbanding 22.7 peratus pada tahun sebelumnya.

“Sumbangan e-dagang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah 13.3 peratus merangkumi e-dagang bagi industri TMK 3.9 peratus dan e-dagang industri lain, 9.4 peratus,” katanya.

Beliau berkata sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang utama dalam Nilai Ditambah Kasar e-dagang dengan sumbangan 53.4 peratus diikuti oleh sektor perkhidmatan pada 43 peratus.

Mohd Uzir berkata guna tenaga dalam industri TMK bertumbuh satu peratus kepada 1.22 juta orang pada 2022 dengan sumbangan sebanyak 7.9 peratus kepada keseluruhan guna tenaga.

Sumbangan itu diterajui oleh sektor pembuatan TMK sebanyak 36.1 peratus, diikuti oleh sektor perkhidmatan TMK (29.3 peratus) dan sektor perdagangan TMK (21.7 peratus), katanya.

Mohd Uzir berkata Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 bagi tempoh 2021-2025 menekankan kepentingan industri berasaskan teknologi dan digital yang memfokuskan kepada penggunaan teknologi termaju, termasuk kecerdasan buatan, bahan termaju dan pengkomputeran kuantum sebagai pemacu utama pertumbuhan industri.

Inisiatif itu sejajar dengan komitmen kerajaan untuk memupuk penyertaan ekonomi merentas semua segmen masyarakat melalui platform digital dan model perniagaan yang inovatif, katanya.

“Masa depan digital Malaysia tertumpu kepada penciptaan ekosistem yang memupuk inovasi, menarik pelaburan dan memacu negara ke arah masa depan yang makmur dan mampan,” katanya.

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2234583>